

RINGKASAN

Baca teks di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **usaha-usaha memartabatkan karya sastera**.

Karya sastera merupakan hasil seni dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan tertentu. Namun begitu, karya sastera semakin jauh ketinggalan contohnya novel akibat ledakan teknologi maklumat tanpa batasannya. Oleh itu, kita perlu bertindak untuk memartabatkan karya sastera sebaris dengan karya sastera antarabangsa.

Peranan ibu bapa dalam memartabatkan karya sastera kepada anak-anak amat penting kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Pelbagai cara boleh dilakukan seperti membaca bahan sastera sebelum tidur, membeli karya sastera kepada anak-anak atau memberikannya sebagai hadiah. Kesannya, minat anak-anak terhadap karya sastera dapat dipupuk dan disemai dalam sanubari mereka.

Karya sastera khasnya sastera tradisional perlu mendapatkan sokongan daripada pihak media massa untuk diangkat sebagai sebuah karya yang berpengaruh dalam kalangan pembaca. Pihak media massa harus sentiasa membuat pengiklanan yang menarik kepada masyarakat. Mereka hendaklah mendedahkan keunikan dan keindahan sastera tradisional seperti gurindam, syair dan seloka kepada umum. Dengan cara ini, masyarakat terutamanya golongan muda akan tertarik untuk membacanya.

Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan dengan mengadakan pameran karya sastera atau kempen di seluruh negara. Dengan cara ini, karya sastera mampu dipertahankan terutamanya sastera tradisional agar tidak dilupakan oleh generasi kini.

Seterusnya, peranan pihak sekolah dalam memikul tanggungjawab untuk mempertahankan dan memartabatkan karya sastera. Hal ini demikian kerana tenaga pengajar ini amat berpengaruh kepada golongan pelajar dan boleh mendorong mereka mempelajari sastera tanpa dipaksa. Guru-guru boleh menggunakan pelbagai teknik dan kaedah pengajaran untuk menarik minat para pelajar agar mereka dapat menghayati karya sastera yang dipelajari. Selain itu, para pelajar juga harus memainkan peranan dalam memartabatkan karya sastera. Mereka boleh melibatkan diri dalam setiap program anjuran sekolah seperti Minggu Bahasa Melayu dan Kesusasteraan, mengambil bahagian dalam pertandingan berunsurkan sastera dan sebagainya. Dengan ini, mereka bukan sahaja dapat memupuk minat dalam bidang tersebut malahan dapat mencuba sesuatu yang baharu.

Setiap pihak bertanggungjawab mempertahankan dan memartabatkan karya sastera agar menjadi warisan

Jawapan:

Antara usaha memartabatkan karya sastera ialah _____.

Seterusnya, _____.

Kemudian, _____.

Selepas itu, _____.

Akhirnya, _____.